

TAHAP KEMAHIRAN PROFESIONAL GURU-GURU KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU DALAM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)

*Jamil Abd Baser, Azman Hasan, Rasidayanty Saidon
Noorazman Abd Samad, Khairuddin Harun, Ramlan Zainal Abidin
jamil@uthm.edu.my, azmanh@uthm.edu.my, fauzyan@yahoo.com.my
noorazman@uthm.edu.my, hairuddin@uthm.edu.my, ramlan@uthm.edu.my*

*Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

ABSTRAK

Kemahiran profesional yang perlu dimiliki oleh seorang guru terdiri daripada kemahiran belajar, kemahiran berfikir, kemahiran merancang, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran mengurus. Sehubungan dengan itu, guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) seharusnya memiliki kemahiran dalam semua bidang yang dinyatakan bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seterusnya dapat meningkatkan kualiti Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Oleh yang demikian, kajian ini akan dijalankan untuk mengenal pasti kemahiran profesional keguruan yang diperlukan oleh guru-guru KHB dalam melaksanakan PBS dan mengenal pasti tahap kemahiran profesional mereka. Kajian berbentuk tinjauan diskriptif ini mengambil guru yang mengajar di sekolah sekitar Daerah Batu Pahat sebagai sampel kajian di mana mereka adalah terdiri daripada guru yang mengajar KHB yang terlibat dalam PBS. Kajian rintis akan dijalankan bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan item serta keupayaannya mengukur konstruk berbantuan Program Winstep versi 3.48 dengan Pendekatan Analisis Model Rasch. Item yang dibina adalah berdasarkan kepada konstruk kemahiran belajar dan mengajar, kemahiran berfikir serta mengurus, menilai, merancang serta berkomunikasi. Keseluruhan item soal selidik yang dibangunkan menjadi instrumen kajian serta menggunakan skala likert lima mata. Hasil kajian ini, pengkaji menjangkakan akan dapat mengenalpasti beberapa konstruk yang disahkan oleh pakar dan secara empirikal terhadap kemahiran yang diperlukan oleh guru serta tahap kemahiran mereka yang melaksanakan PBS bagi mata pelajaran KHB.

Kata kunci: Pentaksiran Berasaskan Sekolah, Kemahiran Hidup, Kemahiran Profesional

Pengenalan

Ahmad (2010) menyatakan, pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) memerlukan guru yang mempunyai kemahiran profesional keguruan dalam menjalankan proses pengajaran, pembelajaran dan penilaian. Antaranya, guru mata pelajaran ini perlu berkemahiran dalam pengurusan masa dan merancang setiap pengajaran agar ianya berjalan lancar dan mencapai objektif yang disasarkan serta sentiasa mahir menjalankan pentaksiran

yang digariskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Neil (2002) dan Abdul Rashid (2003) menambah, bagi menyempurnakan tugas yang diamanahkan, seseorang ahli profesional perlu mengikuti latihan tertentu untuk memperolehi kemahiran-kemahiran dalam sesuatu profesion. Guru-guru yang berpengalaman, cekap dan pakar dalam sesuatu bidang mata pelajaran perlu mempunyai pengetahuan yang kukuh dan luas tentang kurikulum bagi membolehkan mereka melaksanakan tugasnya dengan berkesan.

Latar Belakang Masalah

Kajian Yahaya (2007) menunjukkan tahap keyakinan guru yang mengajar mata pelajaran ini berdasarkan topik-topik yang terdapat dalam sukatan memperoleh tahap keyakinan sederhana dan rendah. Beliau mendapati guru mempunyai tahap keyakinan yang rendah terutama dalam pengajaran elektronik dan kerja paip. Hal ini kerana kebanyakan guru tidak mempunyai kemahiran dan pengalaman untuk mengajar mengikut topik-topik yang terdapat dalam sukatan KHB dan juga terdiri daripada guru yang bukan bidang teknikal. Hussin (2004) pula mendapati penambahan pengetahuan boleh berlaku melalui pendedahan dan guru harus bersedia menambah pengetahuan dengan menghadiri kursus, bengkel, seminar, persidangan dan forum yang melibatkan pendidikan. Penambahbaikan pelaksanaan pentaksiran di peringkat sekolah dan dalam bilik darjah memerlukan guru mendapat latihan yang sepenuhnya agar mereka bersedia menjalankan proses pengajaran dan seterusnya pentaksiran. Selain daripada kekangan dari segi kemahiran guru dan keyakinan untuk mengajar mata pelajaran ini, kebanyakan guru tidak mendapat latihan yang secukupnya untuk melaksanakan pentaksiran.

Saad (2002) mendapati bahawa di samping kekurangan pengetahuan yang mendalam di dalam sesuatu bidang, guru-guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk memberikan perhatian yang lebih kepada pelajar yang lemah dan melakukan semula sesuatu kriteria yang dinilai. Guru-guru mata pelajaran ini yang terlibat dalam sistem KBSM berhadapan dengan masalah tidak dapat menghabiskan sukatan pelajaran kerana terpaksa memperuntukkan masa yang lebih kepada tajuk-tajuk yang perlu dibuat pentaksiran. Bagi memastikan semua pelajar dapat melaksanakan proses PBS dengan sempurna, guru-guru KHB terpaksa membuat penyelarasan masa yang sesuai dengan tahap pencapaian pelajar agar tidak terdapat pelajar yang ketinggalan atau tidak dapat menyiapkan bukti pentaksiran (evidens) dalam PBS. Dengan ini kemahiran guru dalam mengurus masa dan merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran sangat penting agar keperluan menghabiskan sukatan pelajaran dan pelaksanaan PBS dapat diselaraskan.

Kajian Abdul Rahman dan Jaafar (2008) mendapati majoriti (51.6%) guru mengakui bahawa mereka kurang mahir dalam semua bidang kemahiran hidup dan ini secara tidak langsung menjejaskan pelaksanaan PBS. Pengkaji juga telah menjalankan satu tinjauan awal terhadap guru-guru KHB. Hasilnya menunjukkan terdapat permasalahan yang timbul dari aspek pelaksanaan pentaksiran ini yang dapat dikenal pasti melalui maklum balas dan reaksi yang telah diberikan. Mereka tidak mempunyai latihan yang

khusus dalam sesuatu bidang kemahiran dan juga masalah timbul semasa melaksanakan pengajaran yang menggunakan komputer. Satu inisiatif sendiri diambil untuk belajar dengan rakan guru lain atau ahli keluarga yang mahir dengan tujuan untuk mendalami bidang ini.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- (i) mengenal pasti kemahiran profesional keguruan yang diperlukan oleh guru-guru KHB dalam melaksanakan PBS; dan
- (ii) mengenal pasti tahap kemahiran profesional guru-guru KHB dalam melaksanakan PBS.

Kajian Literatur

Pengertian istilah pentaksiran atau *assessment* adalah berasal daripada perkataan Greek “Assidere” iaitu bermaksud “duduk di sisi” (Adimin, 2011). Ghafar, (2011) pula mendefinisikan pentaksiran adalah proses mengukur atau proses penilaian; proses yang sistematik yang melibatkan pengumpulan, penganalisan dan penterjemahan keterangan tentang tahap pencapaian pelajar terhadap objektif pengajaran. Proses ini berperanan membantu seseorang sama ada guru atau pentadbir membuat keputusan secara holistik tentang keseluruhan perkara yang telah dilaksanakan bagi proses penambahbaikan pada masa akan datang. (Airasian, 2004) menyatakan bahawa pentaksiran adalah pengumpulan, sintesis dan interpretasi maklumat di mana pengujian, pengukuran dan penilaian memainkan peranan untuk membantu guru dalam membuat keputusan pembelajaran. Pentaksiran meliputi pelbagai prosedur yang digunakan untuk memperolehi maklumat tentang pembelajaran pelajar (pemerhatian, penilaian prestasi atau projek, ujian kertas dan pensel) dan pembentukan nilai pertimbangan mengenai kemajuan pembelajaran (Linn & Miller, 2005).

Ahmad (2010) menerangkan bahawa pentaksiran bagi mata pelajaran KHB ini dijalankan untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan pelajar secara berterusan di samping memberi maklum balas tentang keberkesanan pengajaran guru. Pelaksanaan PBS ini dijalankan melalui *evidens* proses dan *evidens* projek. Setiap *evidens* ini terbahagi dua iaitu *evidens* murid dan *evidens* bahan. *Evidens* murid merujuk kepada keupayaan sebenar murid tentang apa yang dia tahu dan boleh buat secara lisan atau perlakuan manakala *evidens* bahan pula merujuk kepada apa-apa bukti produk atau proses seperti foto, grafik, artifak, laporan dan lain-lain yang dihasilkan oleh murid dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Senin (2008) menyatakan, istilah profesionalisme daripada perspektif guru mempunyai makna yang berbeza-beza mengikut konteks seperti perilaku profesional, status profesional, kualiti profesional, penilaian profesional dan tanggungjawab profesional. Oleh itu, guru perlu menyiapkan diri dengan keperluan profesionalisme melalui program-program pembangunan profesional agar kompeten dan selari dengan perkembangan dunia pendidikan pada masa kini.

Nik Pa dan Idris (2008) menyatakan, guru-guru di Malaysia perlu menguasai sebanyak mungkin aspek berkaitan kemahiran dan teknologi supaya dapat melaksanakan perubahan-perubahan kurikulum yang diperkenalkan dari semasa ke semasa. Berdasarkan kajian Singh (2007), kemahiran belajar juga terdiri daripada cara-cara guru menerima dan memahami isyarat serta merancang strategi-strategi belajar. Perubahan sistem pendidikan di Malaysia memerlukan guru mereformasikan diri ke arah pandangan, sikap dan daya usaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar yang canggih, demi mempertingkatkan keupayaan dan prestasinya dalam bidang kerja yang kian mencabar. Menurut Blandford (2009), guru-guru yang mempunyai cukup kemahiran pedagogi dan pengetahuan dalam bidang pelajaran yang mereka ajar akan dapat menjalankan tugas mengajar dengan memuaskan.

Hussin (2004) berpendapat program pendidikan guru yang bermutu hendaklah mampu menghasilkan guru yang bermutu dan berkualiti, iaitu profesional dari segi kemahiran, ilmu pengetahuan dan sikap. Cabaran kepada guru dalam pendidikan kini merangkumi usaha melengkapkan diri dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, menangani masalah disiplin dan gejala sosial, pengurusan sekolah yang berkesan, harapan menggunung masyarakat dan banyak lagi. Menurut Abdul Ghafar (2004), kompetensi menjadi faktor yang penting sebagai pentanda dalam menghadapi persaingan dan cabaran dalam menuju dunia global. Gabungan kompetensi dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap perlu ada pada setiap guru bagi menghadapi persaingan dan melahirkan keberkesanan dalam pengajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan adalah berbentuk tinjauan deskriptif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Di samping itu, pengkaji juga membuat analisis dokumen berkaitan kemahiran profesional guru. Teknik persampelan rawak akan digunakan dalam kajian ini, di mana setiap populasi yang disenaraikan dalam rangka persampelan berpeluang dipilih sebagai sampel. Rasional menggunakan kaedah ini adalah untuk memastikan pengkaji mendapat maklumat yang diperlukan berdasarkan soalan kajian kerana sampel yang diambil terdiri daripada guru dari bidang teknikal yang mengajar mata pelajaran KHB di 25 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Batu Pahat, Johor.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan instrumen soal selidik yang terdiri daripada 106 item berskala 5 mata. Responden perlu memilih jawapan paling sesuai dengan pilihan diri berdasarkan kepada skala diberi. Kesemua item yang dibina memerlukan maklum balas responden menggunakan skala likert lima mata iaitu 5-Sangat Setuju, 4-Setuju, 3-Kurang Setuju, 2-Tidak Setuju dan 1-Sangat Tidak Setuju. Jawapan yang seragam dari segi format yang digunakan apabila menggunakan skala ini membolehkan memproses data dilakukan dengan teratur. Skala jenis ini

adalah skala yang dapat digunakan untuk mengukur sikap, pendapat, dan persepsi seseorang atau sekelompok orang mengenai sesuatu gejala atau fenomena pendidikan (Likert, 1932).

Kajian rintis

Kajian rintis akan dijalankan ke atas 30 responden yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran KHB di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Batu Pahat, Johor yang telah dipilih secara rawak daripada populasi sebenar. Abdul Ghafar (2003) dalam kajiannya menyatakan, jumlah responden seramai 30 sudah mencukupi untuk dianalisa kesahan dan kebolehpercayaan. Kajian rintis digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Responden akan diberikan set soal selidik yang sama dengan set soal selidik sebenar untuk memastikan tahap kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan. Oleh itu, bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, satu kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Analisis yang menggunakan perisian *WinStep* dengan pendekatan Model Pengukuran Rasch bertujuan untuk mendapatkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan bagi item yang dibina, *Item polarity* digunakan untuk menentukan sama ada item tersebut mengukur konstruk yang ingin diukur, *Item measure* (melibatkan kepada indeks *infit* dan *outfit*) dan *item correlation* bertujuan untuk melihat sama ada terdapat item pengujian yang bertindan dengan item lain

JANGKAAN DAPATAN KAJIAN DAN KESIMPULAN

Hasil daripada kajian ini, pengkaji menjangkakan akan dapat mengenalpasti kemahiran-kemahiran profesional yang diperlukan guru dalam melaksanakan pentaksiran dan tahap kemahiran profesional mereka dalam melaksanakan PBS bagi mata pelajaran KHB. Oleh yang demikian, setiap guru yang mengajar mata pelajaran KHB perlu meningkatkan kualiti kemahiran diri dari segi teori dan juga praktikal. Ini bertujuan memastikan agar pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran dapat memenuhi objektif pembelajaran yang digariskan dan seterusnya pelaksanaan PBS berjalan dengan lancar dan telus. Guru-guru perlu sentiasa berfikiran positif dan menganggap masalah yang timbul merupakan cabaran yang perlu dihadapi dan jalan penyelesaian yang diambil adalah cara yang terbaik yang akan memberi manfaat kepada pendidikan pelajar dan profesion guru.

RUJUKAN

- A. Rashid, N., Lee, K. C., Mahayudin, Z. & Noordin, Z. (2012). *Falsafah Pendidikan di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Abdul Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Abdul Ghafar, M. N. (2011). *Pembinaan & Analisis Ujian Bilik Darjah* (2 ed. Vol. 371.26). Skudai: Penerbit UTM Press.
- Abdul Rahman, M. A & Ali, Z. (2010). *Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah*
- Abdul Rahman, M. A & Jaafar, K. (2008). *Pelaksanaan Pentaksiran kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah Dalam Bandar Di Daerah Kuantan, Pahang*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Abdul Rashid, A. R. (2003). *Falsafah Budaya Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdullah, S. & Mohd., A. (2005). *Guru Sebagai Mentor*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Adimin, J. (2011). *Peperiksaan vs Pentaksiran*. Dicapai pada April 29, 2013, di http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2008&dt=0303&pub=DuniaPendidikan&sec=Perspektif&pg=ps_01.htm.
- Ahmad, A. (2010). *Pentaksiran Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Airasian, P. W. (2004). *Classroom Assessment: Concepts and Applications*. Boston: McGraw Hill Companies.
- Begum, M. & Farooqui, S. (2008). School Based Assessment: Will it Really Change the Education Scenario in Bangladesh? *International Education Studies*, 1(2), 45-53.
- Blandford, S. (2009). *Managing Professional Development in School* (Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, Trans). London: Tylor and Francis Books Ltd.
- Bond, T. G. & Fox, C. M. (2007). *Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences*. 2nd Ed. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan: Temubual*. Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison. (2000). *Research Methods in Education* (5th ed), *Educational and psychological measurement*. 30(1). ms. 607-610.
- Ee, A. M. (1998). *Pedagogi III. Pengujian, Penilaian, Pemulihan, Pengayaan dan*
- Hussin, S. (2004). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Jamaluddin, M. K. A. M. (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Sosiohumanika*, 4(1), 33-48. Dicapai pada Mei 12, 2013, di <http://www.sosiohumanika-jpssk.com/>.
- Jantan, A. (2005). *Pengetua Sekolah yang Efektif*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dwibahasa. (1999). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katiman, W. & Othman, N. (2003). *Program Pendidikan Guru Teknik dan Vokasional Yang Cemerlang*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Dicapai pada April 28, 2013, di <http://www.moe.gov.my/userfoles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Dicapai pada Mei 20, 2013, di <http://www.moe.gov.my/bppdp/dasar/BUKU%20DASAR.pdf>.
- Konting, M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and psychological measurement*. 30(1). ms. 607-610.
- Likert, R. (1932). A Technique for the Measurement of Attitudes. *Archives of Psychology*, 140, m.s 1-55. Dicapai pada 27 Mei 2013 di <http://www.psychology.about.com/od/lindex/g/likert-scale.htm>.
- Linacre, J. M. (2003). *Winsteps Computer Program Version 3.48*. Dicapai pada Mei 18, 2013, di <http://www.winsteps.com/>.
- Linacre, J. M. (2010). Rasch Model with an Error Term. *Rasch Measurement Transaction*. 983-989.
- Linn, R. L. & Miller, M. D. (2005). *Measurement and Assessment in Teaching*. London: Prentice Hall.
- Mohd Kosnin, A. & Che Ahmad, M. (2010). *Tahap Kesiapan dan Kemahiran Amali Guru-guru PKPG Sekolah Rendah Mengajar Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Kosnin, A. & Che Ahmad, M. (2010). *Tahap Kesiapan dan Kemahiran Amali Guru-guru PKPG Sekolah Rendah Mengajar Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mok, S. S. (1996). *Pendidikan Di Malaysia*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok, S. S. (2003). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI Sekolah Rendah: Komponen 1 & 2*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok, S. S. (2007). *Pengantar Pendidikan Teras*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Neil, J. S. (2002). *Exploring Research Sixth Edition*. New Jersey: Prentice Hall.
- Nik Pa, N. A. & Idris, N. (2008). *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Saad, J. (2002). *Kefahaman Guru Terhadap Kriteria Penilaian Projek Kerja Kursus Kemahiran Hidup di Peringkat Penilaian Menengah Rendah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Schulze, S. (2003). Views on the Combination of Quantitative and Qualitative Research Approaches. *University of South Africa, Progressi*. 25(2). ms.8-20.
- Schumacker, R. E. (2005). *Item Response Theory. Applied Measurement Associates*. Dicapai pada Mei 15, 2013, di <http://www.appliedmeasurementassociates.com/>.
- Senin, A. (2008). *Pembangunan Profesional Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Singh, J. R. K. (2007). *Panduan Ulangkaji Ilmu Pendidikan untuk Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Siraj, S. & Ibrahim, M. S. (2012). *Standard Kompetensi Guru Malaysia*. Dicapai pada Mac 22, 2013, di http://www.medc.com.my/medc/seminar_medc/fromCD/pdf/159.pdf.
- Sulaiman, E. (2003). *Modul Pengajaran Asas Pedagogi Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan*. UTM: Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Sulaiman, E. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. UTM: Penerbit UTM.
- Tengku Kasim, T. S. A & Md. Yusoff, Y. (2007). *Kaedah Mengajar dan Kemahiran Interpersonal Guru*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction*. London: Pearson/Allyn and Bacon.
- Yahaya, A. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.